



NOTIS MAKLUMAN

PORTAL e-SETTLED: PERMOHONAN TUNTUTAN LEBIHAN BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN DAN PEMULANGAN DOKUMEN HAKMILIK SELEPAS PEMBIAYAAN SELESAI

Pelanggan yang dihormati,

Portal e-Settled telah ditambah baik untuk menawarkan beberapa ciri baharu yang disenaraikan di bawah;

- a) Sistem log masuk berasingan bagi Portal e-Settled (tidak lagi menggunakan ID JAccess)**
- b) Kuiri kepada pelanggan melalui Portal e-Settled dan emel**
- c) Penetapan temu janji melalui platform Portal e-Settled untuk dokumen pelepasan di bawah kaedah pengambilan sendiri**

Penambahbaikan ini diperkenalkan bagi memudahkan urusan pengguna secara dalam talian dengan lebih cepat dan teratur. Portal e-Settled ini juga membantu mengurangkan penggunaan dokumen secara manual, menjimatkan masa serta memudahkan proses semakan dan pengurusan maklumat.

Penjawat awam, pesara serta waris atau pentadbir yang dilantik secara sah oleh Pejabat Pembahagian Pusaka atau Mahkamah boleh membuat semakan status dan mengemukakan permohonan melalui Portal e-Settled setelah pembiayaan LPPSA diselesaikan, dengan syarat dokumen sokongan yang lengkap dikemukakan.

Semua pelanggan juga disarankan untuk menggunakan portal ini bagi memastikan proses yang lebih efisien, pantas dan selamat. Sila layari <https://services.lppsa.gov.my/e-settled>.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh diperolehi melalui saluran komunikasi LPPSA seperti [eKaunter LPPSA](#), [WhatsApp LPPSA](#), [Portal Pertanyaan/ Aduan eTiket](#) dan [LiA Chatbot dan Live Chat](#).

28 OGOS 2026